

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYERAHAN WAKAF DAN LAMPU SOLAR LED BERITA HARIAN**  
**PADA HARI KHAMIS, 25 MEI 2017; PUKUL 9.00 PAGI**  
**DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI SOI, KUANTAN**

---

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Datuk Badrulhisham Othman,

Timbalan Pengarang Kumpulan Berita Harian;

Tuan Haji Mohd. Razali Mustafar,

Pegawai Pendidikan Daerah Kuantan;

Tuan Haji Mahadzir Hanafiah,

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Soi;

Encik Abdul Razak Raaf,

Ketua Biro Berita Harian Pahang;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Encik Mohamad Rozi Hassan,

Ketua Pegawai Eksekutif, UMP Advanced Education Sdn. Bhd;

Dr. Muhamad Mat Noor,

Pengarah, Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman (GACC);

Para pentadbir, warga pendidik dan pelajar SMK Sungai Soi;

Rakan-rakan media;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam Program Khidmat Sosial sempena Majlis Penyerahan Wakaf Berita Harian (BH) dan Lampu LED UMP di SMK Sungai Soi pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan UMP, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak BH yang telah memilih Universiti ini sebagai rakan sinergi bagi menjayakan program khidmat sosial bersama warga pendidik dan pelajar SMK Sungai Soi bagi edisi kali ini.
3. SMK Sungai Soi sesungguhnya amat bertuah kerana menjadi salah satu daripada enam buah sekolah di seluruh negara yang terpilih menerima sumbangan Wakaf BH dalam bentuk Lampu Solar LED yang diagihkan sempena sambutan ulang tahun BH ke-60. Tahniah diucapkan kepada warga SMK Sungai Soi.

## **SINERGI CSR BAGI SARANA SOKONGAN EKSTERNAL**

4. Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya juga amat sukacita kerana penganjuran acara pada pagi ini turut mendapat dukungan pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan rakan kerjasamanya dari Universiti ini iaitu UMP Advanced Education Sdn Bhd dan Persatuan Wanita UMP (MATAHARI).

5. Kerjasama erat sejak tahun 2011 tersebut turut memberi impak positif kepada warga SMK Sungai Soi apabila sekolah ini turut tersenarai sebagai antara penerima manfaat program *Empower ECER* pada tahun 2015.

6. Sempena acara pada hari ini juga, seramai 60 orang pelajar SMK Sungai Soi sedang mengikuti program *Empower SMART* yang dikendalikan oleh pensyarah dan mahasiswa UMP yang bertujuan meningkatkan prestasi akademik para peserta melalui kemahiran belajar yang betul berdasarkan modul latihan akademik yang interaktif dan memudahcara.
7. Pada hari ini juga, pihak Pusat Akademik & Kerjaya Jerman (GACC) dan Jabatan Kemahiran Insaniah, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan UMP telah turut membawa seramai 20 mahasiswa program dwijazah UMP-HsKA bagi aktiviti '*Water Rocket Workshop*' yang melibatkan penyertaan 100 pelajar SMK Sungai Soi.

8. Selain memupuk minat para pelajar sekolah ini terhadap bidang sains, matematik, teknologi serta kejuruteraan, aktiviti ini turut memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi dengan para mahasiswa cemerlang UMP ini yang menerima pendidikan kejuruteraan menurut kurikulum UMP dan juga rakan akademiknya dari Jerman iaitu Karlsruhe University of Applied Sciences. Siapa tahu satu hari kelak program dwijazah UMP-HsKA ini akan turut mempunyai mahasiswa dari kalangan alumni SMK Sungai Soi.
  
9. Pada hemat saya, sinergi CSR sebagaimana yang kita jalankan pada hari ini merupakan satu aspek yang amat penting untuk diberikan perhatian serius dalam konteks pembinaan kemenjadian pelajar dan pembangunan kecemerlangan sekolah seperti yang diaspirasikan kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

## **KOMITMEN UMP MELALUI AGENDA MEMASYARAKATKAN TEKNOLOGI**

10. Tuan-tuan dan puan-puan,

Bercakap mengenai sinergi bagi tujuan CSR juga, suka saya menyebut di sini bahawa pihak pengurusan UMP sentiasa mengalukan kesediaan mana-mana agensi awam, syarikat swasta dan pertubuhan sukarela yang berhasrat untuk berkolaborasi dengan Universiti ini bagi maksud pembangunan komuniti, khususnya dalam konteks perkhidmatan pendidikan, pengupayaan sosioekonomi dan pemindahan teknologi.

11. Komitmen pihak pengurusan Universiti ini dizahirkan melalui pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang didasari *tagline* “Memasyarakatkan Teknologi” dalam agenda Universiti Komuniti. Justeru, apa yang kita lakukan di SMK Sungai Soi pada hari ini adalah manifestasi komitmen strategik tersebut yang memberi tumpuan khusus kepada keperluan penerima manfaat yang berkenaan.

12. Maka itulah pelaksanaan komitmen strategik “Memasyarakatkan Teknologi” dalam agenda Universiti Komuniti ini tidak boleh dijayakan secara unilateral atau sepihak semata-mata. Sinergi multilateral iaitu penglibatan pelbagai pihak, sebagaimana yang dapat kita saksikan di SMK Sungai Soi pada hari ini adalah contoh inisiatif kerjasama yang berkesan ke arah dapatan hasil yang konstruktif bagi semua pihak yang terlibat.
  
13. Pemasangan Projek Sistem Solar yang dilaksanakan di SMK Sungai Soi ini merupakan satu inisiatif bagi menggalakan aplikasi teknologi hijau melalui perolehan bekalan elektrik yang berterusan daripada sumber yang mesra alam. Ini sekaligus mengurangkan pergantungan kita kepada sumber elektrik yang dijana daripada bahan api fosil yang berisiko mencemarkan alam sekitar akibat kesan rumah hijau.
  
14. Justeru, aplikasi teknologi hijau yang diperkenalkan di SMK Sungai Soi pada hari ini iaitu penjamaan tenaga elektrik melalui sistem solar dan teknologi LED bukan sahaja mampu menjimatkan tenaga, malah turut berupaya mengurangkan kos bil elektrik yang terpaksa ditanggung oleh pihak sekolah selama ini.

15. Dalam hubungan tersebut, UMP juga akan terus melebarkan jaringan manfaat aplikasi teknologi kepada masyarakat dengan kepakaran teknikal dan penyelidikan yang dimiliki Universiti ini.
  
  
16. Malah, baru-baru ini, para penyelidik UMP dari Fakulti Sains & Teknologi Industri telah turun padang bagi menjalankan projek pemasangan lampu tumpu (*spotlight*) berkuasa solar di Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS), Kuantan melalui inisiatif CSR memasyarakatkan teknologi yang diberi nama '*Lighting Up the Community*'.
  
  
17. *InsyaAllah*, dengan sokongan, dukungan dan kerjasama pelbagai pihak dan rakan sinergi dari pelbagai sektor, saya percaya usaha murni ini akan terus dapat kita jayakan bagi manfaat masyarakat dalam semangat permuafakatan yang tinggi.

## **KATA PENUTUP**

18. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Pengetua, para pentadbir, warga pendidik dan pelajar SMK Sungai Soi atas sambutan dan kerjasama yang telah diberikan untuk menjayakan acara pada pagi ini.

19. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun Berita Harian Ke-60 kepada kepimpinan dan warga kerja BH. UMP sesungguhnya amat berterima kasih atas keprihatinan pihak BH yang sentiasa memberi liputan kepada pencapaian dan kejayaan semasa Universiti ini untuk hebahan umum.

20. Ucapan penghargaan juga dirakamkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan, ECERDC, UMP Advanced Education, GACC, PBMSK, MATAHARI dan semua pihak yang terlibat bagi menjayakan program pada hari ini. Sempena bulan Ramadhan yang akan menjelang beberapa hari lagi, sukalah saya mengucapkan *Ramadhan Kareem* kepada saudara dan saudari sekalian.
21. Akhirnya, saya berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada kita semua dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kesihatan, kemakmuran, kejayaan dan kecemerlangan serta kekuatan untuk menempuh ibadah puasa bagi tahun 1438 Hijrah ini, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

*Assalamualaikum warahatullahi wabarakatuh.*